

# 15 peratus rakyat Malaysia hidap sakit buah pinggang

KUALA LUMPUR: Kajian menunjukkan 15 peratus daripada rakyat Malaysia menghidap penyakit buah pinggang kronik pelbagai peringkat, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata perkara yang paling membimbangkan adalah kebanyakan daripada pesakit terbabit tidak sedar bahawa mereka menghidap penyakit itu.

“Ini disebabkan pesakit-pesakit ini tidak mempunyai sebarang gejala di peringkat awal dan apabila seseorang pesakit itu bergejala, seringkali mereka telahpun berada pada tahap yang lebih serius,” katanya ketika berucap merasmikan laman sesawang [www.mybuahpinggang.com](http://www.mybuahpinggang.com) secara dalam talian di sini pada Ahad.

Beliau bagaimanapun tidak memperincikan kajian berkenaan seperti tempoh mahupun pihak yang telah menjalankan kajian itu.

Menurut Dr Noor Hisham, dengan adanya laman sesawang serta Facebook MYbuahpinggang, adalah diharapkan tahap kesedaran masyarakat akan bertambah baik dan seterusnya dapat mengurangkan insiden penyakit kegagalan fungsi buah pinggang di negara ini pada masa akan datang.

Sehubungan itu, Dr Noor Hisham mengucapkan tahniah kepada semua pakar perubatan, doktor dan pesakit serta semua yang terlibat menjayakan usaha bagi menyediakan laman sesawang itu.

“Saya amat mengalu-alukan usaha murni Persatuan Tweet Perubatan Malaysia untuk membangunkan sebuah laman sesawang khas mengenai kesihatan buah pinggang iaitu [www.mybuahpinggang.com](http://www.mybuahpinggang.com) dengan kerjasama Perkhidmatan Nefrologi Kementerian Kesihatan, Persatuan Nefrologi Malaysia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan dan Astra Zeneca.

Laman sesawang ini akan menjadi pusat sehati untuk orang awam dan pesakit mendapat pelbagai maklumat berkaitan buah pinggang. Saya juga difahamkan ianya akan diperluaskan dalam jangka masa terdekat untuk merangkumi pelbagai aspek lain seperti pendidikan pesakit pradiagnosis dan juga pendidikan diabetes,” katanya.

Sementara itu, beliau turut mengingatkan kesihatan individu bukanlah tanggungjawab doktor, jururawat ataupun Kementerian Kesihatan Malaysia semata-mata tetapi juga merupakan tanggungjawab bersama daripada masyarakat sendiri.

“Kita jaga kita, kita mesti menang bukan sahaja melawan Covid-19, tetapi menang melawan penyakit buah pinggang kronik ini,” katanya.

Dalam pada itu beliau menegaskan, walaupun kementerian itu kini sibuk melawan pandemik COVID-19, rawatan kepada pesakit lain seperti pesakit buah pinggang masih menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan dan ia diteruskan dengan sebaik mungkin. – Bernama